EL Chong Motor Trading Sdn Bhd (pihak ketiga yang menuntut) lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KANGAR) — RAYUAN JENAYAH NO 42S-03–04 TAHUN 2016
ABU BAKAR PK
30 SEPTEMBER 2016

Prosedur Sivil — Rayuan — Rayuan terhadap keputusan mahkamah sesyen — Sama ada hakim mahkamah sesyen terkhilaf memutuskan prasyarat s 61(4)(a)–(d) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta') gagal dipatuhi oleh perayu — Sama ada perayu suci hati atas harta-harta yang disita atas imbangan kebarangkalian — Sama ada tanggungjawab perayu untuk menyemak sumber kewangan bagi tujuan pembiayaan perjanjian sewa beli — Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 s 61(4)(a)–(d)

Ini merupakan rayuan oleh perayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang memerintahkan *Item* No 6, 7 dan 8 dalam Jadual kepada Notis kepada Pihak Ketiga dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia ('perintah tersebut') selaras dengan peruntukan s 56(2)(a)(iii) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta'). Sebelum perintah tersebut, wang tunai sebanyak RM29,102.40 dan tujuh buah kenderaan telah disita oleh Kerajaan Malaysia selaras dengan s 61(2) Akta. Harta yang disita telah diwar-warkan dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan bertarikh 30 Julai 2015 (PU(B) 291/2015). Sarafizah bt Abdul Rahim ('Sarafizah') telah mengaku bersalah terhadap 15 pertuduhan di bawah s 4(1)(a) Akta di hadapan hakim mahkamah sesyen ('HMS') pada 7 Mei 2015. HMS telah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun bagi setiap pertuduhan, berjalan serentak. Kesemua penuntut kecuali Sykt EL Chong dan Abdul Raqib bin Aurani merupakan 'para pelabur' suatu skim insurans penipuan yang dilakukan oleh Sarafizah. Perayu merupakan syarikat yang menjalankan perniagaan sewa beli kenderaan baru dan terpakai. Perayu menuntut tiga buah motosikal jenama Kawasaki, nombor pendaftaran PLC 802, WXL 802 dan PKM 802. Harta yang dituntut ini disenaraikan di *Item* No 6, 7 dan 8 Jadual kepada Notis kepada Pihak Ketiga. Isu utama yang dihujahkan oleh perayu ialah HMS terkhilaf apabila memutuskan prasyarat s 61(4)(a)–(d) Akta gagal dipatuhi oleh perayu. Manakala, timbalan pendakwa raya ('TPR') menyatakan perayu bukannya suci hati atas harta-harta yang disita atas imbangan kebarangkalian. TPR menghujahkan menjadi tanggungjawab perayu untuk menyemak sumber kewangan bagi tujuan pembiayaan perjanjian sewa beli.

Diputuskan, membenarkan rayuan dan mengakas keputusan HMS yang melucuthak *Item* No 6, 7 dan 8 Notis kepada Pihak Ketiga kepada kerajaan: A

(1) Bagi prasyarat s 61(4)(a), perayu mempunyai 'legitimate legal interest' dalam harta dituntut yang disenaraikan dalam *warta* kerajaan dan perayu sebagai 'owner' ada pengendosan 'Hakmilik Dituntut' oleh perayu dalam Perakuan Pendaftaran JPJ. Mengikut Akta Sewa Beli 1967, selagi penyewa tidak menjelaskan bayaran sepenuhnya, kenderaan yang terlibat masih menjadi hak atau milik 'owner', iaitu perayu. HMS tidak menyentuh prasyarat ini dalam alasan penghakimannya (lihat perenggan 38 & 40–41). B C

(2) Sepanjang inkuiri dihadapan HMS, pendakwaan tidak mengemukakan secebis keterangan bagi mengaitkan perayu dengan 'participation, collusion or involvement', iaitu prasyarat s 61(4)(b). Perayu sekadar memberikan kemudahan pembiayaan pembelian tiga motosikal kepada Sarafizah dan suaminya melalui perjanjian sewa beli. Perayu tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perniagaan yang dijalankan oleh Sarafizah. HMS juga tidak menyentuh prasyarat ini dalam alasan penghakimannya (lihat perenggan 42–44). D E

(3) Mahkamah tidak bersependapat dengan kesimpulan HMS bahawa perayu 'lack of good faith'. Dalam peruntukan Akta Sewa Beli 1967, perayu sebagai 'owner' hanya perlu memastikan Bahagian II, iaitu ss 4, 4A–4G dan 5 Akta Sewa Beli 1967 dipatuhi. Parlimen tidak menggubal peruntukan bagi 'owner' untuk melakukan siasatan sumber kewangan penyewa sebagaimana yang disarankan oleh HMS dan timbalan pendakwa raya. Yang penting, perayu mematuhi peruntukan s 4 sebelum penyewa menandatangani perjanjian sewa beli bagi membeli ketiga-tiga motosikal (lihat perenggan 49–51). F G

(4) Mahkamah tidak setuju dengan simpulan HMS dalam aspek 'lack of good faith' perayu. Fakta Sarafizah dan suaminya membayar deposit dalam jumlah yang besar, iaitu melebihi 10% daripada harga belian, perayu tidak mengetahui ia ada kaitan dengan kesalahan di bawah s 4(1) Akta. Apa yang penting perayu telah pun mematuhi Bahagian II Akta Sewa Beli 1967 dan penyewa terikat dengan terma-terma perjanjian sewa beli (lihat perenggan 53). H

(5) Perayu telah mengambil langkah-langkah yang munasabah sebagai 'owner' atas ketiga-tiga kenderaan yang terlibat mengikuti prosedur dan keperluan undang-undang yang ditetapkan di bawah Akta Sewa Beli 1967. Perayu tidak mengetahui langsung penglibatan Sarafizah dengan kesalahan di bawah s 4(1) Akta. Berpandukan keterangan yang ada, peruntukan s 61(3) Akta tidak terpakai terhadap perayu bagi menyimpulkan 'lack of good faith' (lihat perenggan 55–56). I

(6) Perayu telah pun di atas imbangan kebarangkalian mematuhi prasyarat yang diperuntukkan di bawah s 61(4) Akta. Perayu merupakan penuntut yang suci hati dan berhak menuntut harta yang disenaraikan dalam *Warta* Kerajaan untuk *Item* No (6), (7) dan (8) Notis kepada Pihak Ketiga. Mahkamah memerintahkan harta yang dituntut dikembalikan kepada perayu untuk tindakan selanjutnya berdasarkan Akta Sewa Beli 1967 dan memerintahkan perayu menyerahkan sebarang hasil jualan (jika ada) kepada Kerajaan Malaysia dengan kadar segera (lihat perenggan 57–58).

[English summary

This was an appeal by the appellant against the decision of the session court judge who ordered Item Nos 6, 7 and 8 in the Schedule of the Notice to Third Party be forfeited to the Government of Malaysia ('the said orders') in accordance with the provisions of s 56(2)(a)(iii) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('the Act'). Prior to the order, a sum of cash of RM29,102.40 and seven vehicles were seized by the Malaysian Government in accordance with s 61(2) of the Act. The property seized was quoted in the Federal Government *Gazette* dated 30 July 2015 (PU(B) 291/2015). Sarafizah bt Abdul Rahim ('Sarafizah') had pleaded guilty to 15 charged under s 4(1)(a) of the Act before the session court judge ('the SCJ') on 7 May 2015. The SCJ had sentenced him to two years' imprisonment for each charge, to run concurrently. All the claimants except Sykt EL Chong and Abdul Raqib bin Aurani were 'investors' of a fraudulent insurance scheme made by Sarafizah. The appellant was a company that carried on a hire purchase business of new and used vehicles. The appellant demanded three Kawasaki motorcycles, registration Nos PLC 802, WXL 802 and PKM 802. These properties claimed was listed in Item Nos 6, 7 and 8 of the Schedule of the Notice to Third Party. The main issue submitted by the appellant was that the SCJ had erred in ruling that the prerequisite of s 61(4)(a)–(d) had failed to be complied by the appellant. Whereas, the deputy public prosecutor ('DPP') stated that the appellant was not in good faith in the property seized on the balance of probabilities. The DPP submitted that it was the obligation of the appellant to review financial resources for the purpose of financing a hire purchase agreement.

Held, allowing the appeal and reversing the decision of the SCJ to forfeit Item Nos 6, 7 and 8 of the Notice to Third Party to the government:

(1) For prerequisite under s 61(4)(a), the appellant had a 'legitimate legal interest' in the claimed property listed in the government *gazette* and the appellant as the 'owner' had a 'Claimed Ownership' endorsement by the appellant in the Registration Certificate RTD. According to the Hire Purchase Act 1967, as long as the tenant had not settle the full payment, the vehicle involved was still the right or property of the owner, ie the

appellant. The SCJ did not touch this prerequisite in its grounds of judgment (see paras 38 & 40–41).

(2) During the inquiry before the SCJ, the prosecution did not present a piece of evidence which linked the appellant with the 'participation, collusion or involvement', which was a prerequisite of s 61(4)(b). The appellant only provided the purchasing financing facility of three motorcycles to Sarafizah and her husband through a hire purchase agreement. The appellant was not involved directly or indirectly with the business carried out by Sarafizah. The SCJ also did not touch this prerequisite in his grounds of judgment (see paras 42–44).

(3) The court did not agree with the conclusion of the SCJ that the appellant 'lack of good faith'. In the provisions of the Hire Purchase Act 1967, the appellant as the owner only had to ensure compliance of Part II, ie ss 4, 4A–4G and 5 of the Hire Purchase Act 1967. Parliament did not make provision for the 'owner' to investigate the tenant's financial resources as suggested by the SCJ and deputy public prosecutor. Importantly, the appellant must have complied with the provision of s 4 before the tenant signed a hire purchase agreement to buy all three motorcycles (see paras 49–51).

(4) The court disagreed with the SCJ's conclusion in the appellant's 'lack of good faith'. The facts of Sarafizah and her husband had paid a large sum of deposits, which was more than 10% of the purchase price, the appellant did not know it was related to the offence under s 4(1) of the Act. What was important was that the appellant had complied with Part II of the Hire Purchase Act 1967 and the tenant was bound by the terms of the hire purchase agreement (see para 53).

(5) The appellant had taken reasonable steps as the owner of the three vehicles involved in the procedures and legal requirements prescribed under the Hire Purchase Act 1967. The appellant did not know at all the involvement of Sarafizah with the offence under s 4(1) of the Act. Pursuant to the evidence available, the provision of s 61(3) of the Act did not apply to the appellant to conclude 'lack of good faith' (see paras 55–56).

(6) The appellant had also on the balance of probabilities complied with the prerequisite provided under s 61(4) of the Act. The appellant was a claimant with good faith and had a right to claim the property listed in the Government *Gazette* for Item Nos (6), (7) and (8) of the Notice to Third Party. The court ordered the claimed property to be returned to the appellant for further action under the Hire Purchase Act 1967 and ordered the appellant to surrender any proceeds (if any) to the Government of Malaysia promptly (see paras 57–58).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap keputusan mahkamah sesyen, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 920–937.

Kes-kes yang dirujuk

Affin Credit (Malaysia) Sdn Bhd v Yap Yuen Fui [1984] 1 MLJ 169; [1984] 1 CLJ Rep 62, MP (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Raja Noor Asma bt Raja Harun [2013] 9 MLJ 181; [2013] 5 CLJ 656, MT (diikut)

Pendakwa Raya v Lau Kwai Thong (Permohonan Jenayah No 44–20 Tahun 2008) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ss 4(1), 4(1)(a), 56(2)(a)(iii), 61, 61(2), (3), (4)(a), (4)(b), (4)(c), (4)(d), (4)(e)

Akta Sewa Beli 1967 ss 4, 4A, 4B, 4C, 4D, 4E, 4F, 4G, 5, Jadual Kedua, Bahagian I, Bahagian II

Latsmanan Ponnusamy (Khor Gaik Thiam & Latsmanan) bagi pihak perayu.

Husmarudin bin Husin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Abu Bakar PK:

PENGENALAN

[1] Mahkamah ini telah membenarkan rayuan oleh perayu dan mengakaskan keputusan hakim Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis ('Tuan HMS itu'). Responden yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia.

[2] Ini merupakan rayuan oleh perayu terhadap keputusan Tuan HMS itu yang memerintahkan *Item* No 6, 7 dan 8 dalam Jadual kepada Notis Pihak Ketiga dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia ('perintah tersebut') selaras dengan peruntukan s 56(2)(a)(iii) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta itu').

LATAR BELAKANG KES

[3] Sebelum perintah tersebut dibuat, sejumlah RM29,102.40 wang tunai dan sebanyak tujuh buah kenderaan iaitu kereta dan motosikal telah disita oleh Kerajaan Malaysia selaras dengan peruntukan s 61(2) Akta itu.

[4] Harta yang disita ini telah diwar-warkan dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan bertarikh 30 Julai 2015 (PU(B) 291). **A**

[5] Kesemua penuntut kecuali Syarikat EL Chong dan Abdul Raqib bin Aurani merupakan 'para pelabur' suatu skim insurans penipuan yang dilakukan oleh seorang bernama Sarafizah bt Abdul Rahim. **B**

[6] Sarafizah bt Abdul Rahim telah menghadapi 15 pertuduhan di bawah s 4(1)(a) Akta itu atas kesalahan pengubahan wang haram (rekod rayuan ('RR') (*Jld* 1) — ms 3–22). **C**

[7] Sarafizah bt Abdul Rahim telah mengaku bersalah di hadapan Tuan HMS itu pada 7 Mei 2015. Tuan HMS itu telah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun bagi setiap pertuduhan. Hukuman penjara berjalan serentak. **D**

[8] Perayu merupakan sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan sewa beli kenderaan baru atau terpakai. Perayu menuntut tiga buah motosikal jenama Kawasaki nombor pendaftaran: PLC 802, WXL 802 dan PKM 802. Harta yang dituntut ada disenaraikan di bilangan 6, 7 dan 8 Notis kepada Pihak Ketiga (PU(B) 291). **E**

[9] Perayu semasa inkuiri membuat tuntutan agar ketiga-tiga kenderaan yang masih berstatus 'hakmilik dituntut' syarikatnya dalam PERAKUAN PENDAFTARAN KENDERAAN, JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA. Ketiga–tiga kenderaan tersebut telah dibeli oleh Sarafizah bt Abdul Rahim dan suaminya melalui perjanjian sewa beli (eksh CEL3 (RR (*Jld* 3) ms 62–69), CEL9 eksh (RR (*Jld* 3) ms 80–82) dan CEL18 (RR (*Jld* 3) ms 99–106)). **F**

[10] Inkuiri telah dijalankan dihadapan Tuan HMS itu dan di akhir inkuiri Tuan HMS itu telah memerintahkan ketiga-tiga kenderaan perayu dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia selaras dengan peruntukan di bawah s 56(2)(a)(iii) Akta itu. **G**

MERIT RAYUAN **H**

[11] Mahkamah ini telah meneliti penghujahan bertulis yang difailkan oleh pihak-pihak, mahkamah ini berpendapat isu utama yang ditonjolkan oleh perayu ialah sama ada perayu sebagai pihak ketiga suci hati (*bona fide third parties*) berjaya membuktikan prasyarat yang ditetapkan di bawah s 61(4)(a), (b), (c) dan (d) Akta itu. **I**

Penghujahan peguam perayu yang terpelajar

[12] Peguam perayu yang terpelajar menghujahkan Tuan HMS itu terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal menimbangkan perayu sebagai pemilik ketiga-tiga kenderaan yang terlibat berdasarkan perjanjian jual beli dengan Sarafizah dan suaminya.

[13] Semasa inkuiri, pengarah perayu (Chong Ewe Lian) memberi keterangan berkaitan kepentinganya sebagai pemilik ketiga-tiga kenderaan yang terlibat. TPR tidak mempertikaikan fakta ini dan tiada soal balas atas fakta ini.

[14] Perayu sebagai pemilik ketiga-tiga kenderaan berhak mendapatkan sebarang tunggakan sewa berdasarkan peruntukan Akta Sewa Beli 1967. Penyewa masih mempunyai tunggakan iaitu bagi motosikal PLC 802 sebanyak RM10,879.21, WXL 802 sebanyak RM54,296 dan PKM 802 sebanyak RM24,920.80.

[15] Peguam perayu yang terpelajar menghujahkan sekiranya kenderaan-kenderaan tersebut dilelong mengikut Akta Sewa Beli 1967, ia tidak mencukupi untuk menampung tunggakan sewa tersebut.

[16] Secara ringkasnya peguam perayu yang terpelajar menghujahkan perayu berjaya membuktikan prasyarat s 61(4)(a), (b), (c) dan (d) Akta itu. Perayu melalui pengarahnya Chong Ewe Lian telah memberi keterangan semasa inkuiri dijalankan.

[17] Tuan HMS telah gagal menimbangkan perayu pernah melalui perjanjian sewa beli menjual kenderaan PLC 802 kepada Sarafizah bt Abdul Rahim yang kemudiannya telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s 4(1) Akta itu dan dua buah motosikal iaitu WXL 802 dan PBM 802 kepada suami Sarafizah yang bernama Mohamad Zaidi bin Mat Jusoh.

[18] Tuan HMS itu gagal menimbangkan hubungan perayu sebagai 'owner' dan Sarafizah dan suaminya sebagai 'hirer'. Laporan penilaian Jabatan Kerja Raya ('JKR') menunjukkan nilai kenderaan sekarang telah menurun iaitu bagi WXL nilaian RM28,000, PKM 802 nilaian RM10,000 dan PLC nilaian RM9,000. Sebaliknya penyewa mempunyai tunggakan sewa yang jauh lebih daripada nilaian kenderaan tersebut.

[19] Tuan HMS itu gagal menimbangkan semasa inkuiri, perayu telah membuktikan wujudnya 'Hakmilik Dituntut' sebagaimana yang tertera dalam SIJIL PENDAFTARAN KENDERAAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN ('JPJ'). A

[20] Tuan HMS itu gagal memberikan pertimbangan semasa penyewa datang ke kedainya untuk membeli kenderaan itu, perayu tidak mengetahui penyewa terlibat dengan perbuatan jenayah melanggar Akta itu khasnya peruntukan s 4(1) Akta itu. Tiada keterangan perayu telah membantu atau ada kaitan dengan penyewa yang menjalankan aktiviti-aktiviti haram. Perayu tidak boleh dikatakan mala fide semata-mata gagal menyiasat penyewa tentang aktiviti atau kegiatan perniagaan semasa perjanjian sewa beli ditandatangani. B C

[21] Tuan HMS itu gagal memberi pertimbangan perayu merupakan pihak ketiga suci hati dan keterangan di bawah s 61 Akta itu tidak disangkal. Tuan HMS itu terkhilaf apabila dalam penghakimannya menyatakan 'lack of good faith' di pihak perayu. D

[22] Peguam perayu yang terpelajar selanjutnya menghujahkan Tuan HMS itu terkhilaf apabila merujuk deposit yang dibayar mengambarkan status kewangan penyewa dan ia menimbulkan kesangsian. Perayu menghujahkan hal kewangan penyewa merupakan perkara peribadi penyewa dan perayu tidak mempunyai saluran untuk menyiasat hal-hal peribadi penyewa. E

[23] Tuan HMS itu dalam penghakimannnya secara salah apabila menyatakan perayu gagal menjalankan perniagaannya secara 'diligence' walau pun tidak wujud sebarang keterangan semasa inkuiri. Tuan HMS itu juga secara salah apabila menyatakan perayu menerima deposit daripada perayu tanpa perasaan yang mencurigakan. F G

[24] Peguam perayu yang terpelajar menghujahkan Tuan HMS itu terkhilaf apabila memutuskan prasyarat s 61(4)(a)–(d) Akta itu gagal dipatuhi oleh perayu.

Penghujahan oleh timbalan pendakwa raya ('TPR') yang terpelajar H

[25] TPR yang terpelajar menghujahkan perayu perlu membuktikan prasyarat s 61(4)(a), (b), (c) dan (d) Akta itu yang perlu dibaca bersesama (*conjunctively*). TPR yang terpelajar menghujahkan pendekatan sedemikian ada diputuskan dalam kes yang tidak dilaporkan iaitu Mahkamah Tinggi, Shah Alam, Permohonan Jenayah No 44–20 of 2008, *Pendakwa Raya v Lau Kwai Thong.* Pihak ketiga suci hati hanya perlu membuktikannya atas imbangan kebarangkalian seperti yang diputuskan dalam kes *Pendakwa Raya lwn Raja Noor Asma bt Raja Harun* [2013] 9 MLJ 181; [2013] 5 CLJ 656. I

[26] TPR yang terpelajar selanjutnya menghujahkan mahkamah boleh membuat inferen sama ada pihak ketiga suci hati berdasarkan hal keadaan objektif kes seperti yang diperuntukkan di bawah s 61(3) Akta itu.

[27] TPR yang terpelajar menghujahkan perayu dalam keterangannya (RR (*Jld* 2(a)), ms 24–35) tidak menyentuh langsung langkah-langkah yang telah diambil oleh perayu bagi menentukan hasil kewangan yang digunakan oleh Sarafizah dan suaminya berpunca daripada aktiviti haram.

[28] TPR yang terpelajar menghujahkan Tuan HMS itu memutuskan secara betul iaitu dalam kes sekarang ini perayu diputuskan 'lack of good faith' apabila sebagai sebuah syarikat perniagaan bagi memastikan pembelian ketiga-tiga kenderaan berpunca daripada aktiviti yang menyalahi peruntukan s 4(1) Akta itu di mana Sarafizah telah dituduh dan disabitkan atas kesalahan tersebut.

[29] TPR yang terpelajar bersetuju dengan pandangan Tuan HMS itu walaupun pembelian ketiga-tiga kenderaan secara sewa beli, pembayaran deposit melibatkan jumlah wang yang banyak iaitu RM12,900, RM35,000 dan RM15,000. Tambahan pula pembelian kenderaan tersebut dalam tempoh masa yang dekat iaitu 4hb, 12hb dan 17hb bulan dan tahun yang sama iaitu 2014. Perayu sepatutnya merasa sangsi dan perlu menyemak punca kewangan penyewa.

[30] TPR yang terpelajar menghujahkan menjadi tanggungjawab perayu untuk menyemak sumber kewangan bagi tujuan pembiayaan perjanjian sewa beli. Perayu gagal dalam keterangannya menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil menentukan sumber kewangan penyewa hasil aktiviti haram di bawah Akta itu.

[31] TPR yang terpelajar menoktahkan hujahannya dengan menyatakan perayu bukannya seorang suci hati atas harta-harta yang telah disita atas imbangan kebarangkalian. TPR yang terpelajar memberi penekanan kepada s 61(4)(c) Akta itu di mana perayu gagal membuktikannya sepanjang inkuiri dijalankan di hadapan Tuan HMS itu.

PENDAPAT MAHKAMAH INI

[32] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit rayuan oleh perayu, eloklah disentuh peruntukan undang-undang yang berkaitan iaitu peruntukan s 61(4) Akta itu. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s 61(4) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (4) The court or enforcement agency shall return the property to the claimant when it is satisfied that —

(a) the claimant has a legitimate legal interest in the property; A

(b) no participation, collusion or involvement with respect to the offence under subsection 4(1) or Part IVA or a terrorism financing offence which is the object of the proceedings can be imputed to the claimant;

(c) the claimant lacked knowledge and was not intentionally ignorant of the illegal use of the property, or if he had knowledge, did not freely consent to its illegal use; B

(d) the claimant did not acquire any right in the property from a person proceeded against under circumstances that give rise to a reasonable inference that any right was transferred for the purpose of avoiding the eventual subsequent forfeiture of the property; and C

(e) the claimant did all that could reasonably be expected to prevent the illegal use of the property.

D

[33] Mahkamah ini merujuk kes yang tidak dilaporkan iaitu *Pendakwa Raya v Lau Kwai Thong* (Permohonan Jenayah No 44–20 Tahun 2008) (tidak dilaporkan) di mana YA Abang Iskandar PK (pada ketika itu) telah menzahirkan pandangannya prasyarat yang dinyatakan dalam s 61(4)(a)–(e) Akta itu perlu dibaca secara bersesama. Beliau dalam penghakimannya E menukilkan seperti berikut:

I had considered the submissions on the true interpretation to be given to the manner as to how the five paragraphs in s 61(4)(a)–(e) of the said Act ought to be implemented. Its is my view that the said five paragraphs as so enumerated, have to be read conjunctively. F

[34] Mahkamah ini turut merujuk kes *Pendakwa Raya lwn Raja Noor Asma bt Raja Harun* [2013] 9 MLJ 181; [2013] 5 CLJ 656 di mana YA Kamardin Hashim H (pada ketika itu) menyuarakan pandangannya iaitu beban bukti yang perlu dipikul oleh penuntut pihak ketiga yang suci hati sekadar atas G imbangan kebarangkalian bagi membuktikan prasyarat s 61(4)(a)–(e) Akta itu dipatuhi. YA dalam penghakimannya menyatakan:

[20] Abang Iskandar PK (ketika itu) dalam kes *Pendakwa Raya lwn Lau Kwai Thong* (MTSA Kes No 44–20 Tahun 2008 — *unreported*) telah memberikan pandangan H bahawa pihak ketiga yang menuntut harta yang disita dalam prosiding di bawah s 61 AMLATFA hendaklah membuktikan kesemua perkara di bawah s 61(4) perenggan (a) hingga (e). *Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan tersebut dan ingin menambah bahawa beban pembuktian adalah atas bahu pihak ketiga yang membuat tuntutan untuk membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa mereka adalah penuntut pihak ketiga yang suci hati.* Untuk membuktikan bahawa I mereka adalah penuntut yang suci hati maka mereka hendaklah mengemukakan keterangan bagi memenuhi kehendak-kehendak seperti diperuntukkan di bawah perenggan (a) hingga (e) tersebut. Sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa perkara-perkara tersebut terbukti dan telah dipenuhi, harta yang dituntut bolehlah

dikembalikan kepada penuntut pihak ketiga yang suci hati tersebut. (Penekanan ditambah.)

[35] Mahkamah ini juga sedar 'lack of good faith' penuntut pihak ketiga boleh diambil inferen keadaan objektif sesuatu kes itu. Inferen ini ada diperuntukan di bawah s 61(3) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

(3) A third party's lack of good faith may be inferred, by the court or an enforcement agency, from the objective circumstances of the case.

[36] Berbekalkan prinsip undang-undang yang diputuskan dalam kes *Law Kwai Thong* dan *Raja Noor Asma Raja Harun*, mahkamah ini akan menyentuh merit rayuan oleh perayu.

[37] Mahkamah ini akan menyentuh sama ada perayu telah membuktikan prasyarat yang diperuntukan di bawah s 61(4)(a)–(e) Akta itu.

Prasyarat (a)

[38] Mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan peguam perayu yang terpelajar iaitu perayu mempunyai 'legitimate legal interest' dalam harta yang terlibat iaitu *Item* (6), (7) dan (8) yang dinyatakan dalam *warta* kerajaan. Harta yang terlibat merupakan motosikal berjenama Kawasaki No Pendaftaran PLC 802, WXL 802 dan PKM 802.

[39] Semasa inkuiri dijalankan di hadapan Tuan HMS itu, perayu melalui pengarahnya Encik Ching Ewe Lian dalam keterangannya menyatakan ada perjanjian sewa beli antara perayu dengan Sarafizah bt Abdul Rahim berkaitan pembelian motosikal nombor pendaftaran: PCL 802 (perakuan pendaftaran — eksh 'CEL1'). Perayu juga ada menandatangani perjanjian sewa beli dengan Mohd Zaidi bin Mat Jusoh melibatkan pembelian motosikal nombor pendaftaran: WXL 802 (perakuan pendaftaran — eksh 'CEL9') dan PKM 802 (perakuan pendaftaran — eksh 'CEL16').

[40] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam perayu yang terpelajar, perayu sebagai 'owner' ada pengendosan 'hakmilik dituntut 'oleh perayu dalam perakuan pendaftaran JPJ iaitu eksh 'CEL1', 'CEL9' dan 'CEL16'. Mengikut Akta Sewa Beli 1967, selagi penyewa tidak menjelaskan bayaran sepenuhnya, kenderaan yang terlibat masih menjadi hak atau milik 'owner' iaitu EL Motor Trading Sdn Bhd.

[41] Tuan HMS itu dalam alasan penghakiman (RR *Jld* 1 — ms 40–50) langsung tidak menyentuh prasyarat (a) ini.

Prasyarat (b)

[42] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam perayu yang terpelajar, sepanjang inkuiri yang diadakan di hadapan Tuan HMS itu, pendakwaan tidak mengemukakan secebis keterangan pun bagi mengaitkan perayu dengan 'participation, collusion or involvement' Sarafizah yang telah pun mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah s 4(1) Akta itu.

[43] Mahkamah ini berpendapat perayu sekadar memberikan kemudahan pembiayaan pembelian tiga motosikal kepada Sarafizah dan suaminya melalui perjanjian sewa beli. Mahkamah ini merujuk keterangan pengarah perayu di ms 34 RR *Jld* 1 ada menyatakan tidak mengetahui dengan jenayah yang dilakukan oleh Sarafizah. Perayu juga tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perniagaan yang dijalankan oleh Sarafizah.

S: Telah dibuktikan bahawa Puan Sarafizah Binti Abdul Rahman telah membuat kesalahan dibawah sek. 4 Akta AMLA , adakah kamu tahu semasa mereka hadir dan berbincang tentang sedemikian, mereka ini terlibat dalam jenayah sedemikian?

J: Saya tidak tahu apa-apa.

S: Adakah kamu terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kegiatan perniagaan mereka?

J: Saya tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kegiatan perniagaan mereka.

[44] Tuan HMS itu dalam alasan penghakimannya juga tidak menyentuh prasyarat (b) ini.

Prasyarat (c)

[45] Peguam perayu yang terpelajar menghujahkan Tuan HMS itu telah silap dalam alasan penghakimannya apabila memutuskan perayu 'lack of good faith' semata-mata atas kegagalan perayu menyemak sumber kewangan Sarafizah dan suaminya semasa membiayai pembelian tiga motosikal yang terlibat. Perayu dikatakan gagal mengambil kira bayaran deposit yang dibayar oleh Sarafizah dan suaminya jumlah yang besar iaitu RM12,900, RM35,000 dan RM15,000.

[46] Perayu juga dikatakan tidak meragui pembelian motosikal tersebut dalam tempoh yang singkat antara satu pembelian dengan pembelian yang lainnya.

[47] Mahkamah ini berpendapat perayu merupakan syarikat yang telah pun

ditubuhkan pada 30 Ogos 2003 (RR *Jld* 3 — ms 113). Mengikut keterangan Ching Ewe Lian, perayu menjalankan perniagaan menjual motosikal dan sewa beli motosikal. Perayu juga menjual kenderaan baru dan yang terpakai.

(Sila rujuk RR Jld 2(a) — ms 24).

[48] Mahkamah ini telah meneliti alasan penghakiman oleh Tuan HMS itu di perenggan 15–17 telah menyimpulkan perayu 'lack of good faith' seperti berikut:

> 15. Daripada keterangan yang dikemukakan perayu, mahkamah ini berpendapat wujud 'lack of good faith'. Ini adalah daripada pengamatan keatas keterangan secara 'toto', Perayu didapati tidak mengambil langkah-langkah munasabah yang sepatutnya diambil oleh sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan seperti perayu khususnya bagi memastikan ketiga-tiga kenderaan tidak ada terlibat dengan apa-apa kesalahan di bawah AMLATFA 2001.
>
> 16. Jika diperhatikan kepada tarikh pembelian ketiga-tiga kenderaan diatas, Perayu sudah barang pasti boleh membuat suatu kesimpulan yang munasabah mengenai status kewangan kedua-dua penyewa 'hirer' berkenaan. Walaupun ketiga-tiga kenderaan dibeli secara skim sewa beli, namun bayaran-bayaran deposit adalah agak 'besar' iaitu berjumlah RM12,900, RM35,000 dan RM15,000. Pembelian bagi ketiga-tiga kenderaan juga dibuat dalam suatu tempoh masa yang terlalu singkat iaitu pada 4, 12 dan 17 haribulan, dalam bulan dan tahun yang sama iaitu Oktober 2014.
>
> 17. Mahkamah ini berpendapat sebagai sebuah syarikat menjalankan perniagaan kenderaan motor, sudah semestinya akan membuat semakan status kewangan kedua-dua penyewa 'hirer' sebelum bersetuju memasukki perjanjian jual beli kenderaan dengan mereka berdua. Sesiapa sahaja yang menjalankan perniagaan seperti perayu akan membuat sesuatu yang 'diligence' iaitu 'rajin, tekun serta bersungguh' bagi memastikan tidak berlaku sebarang kesulitan pada masa hadapan mengenai pembayaran bulanan dan sebagainya.

[49] Mahkamah ini tidak sependapat dengan Tuan HMS itu di perenggan 15–17 alasan penghakimannya. Mahkamah ini telah meneliti peruntukan Akta Sewa Beli 1967, perayu sebagai 'owner' hanya perlu memastikan mematuhi BAHAGIAN II iaitu peruntukan ss 4, 4A, 4B, 4C, 4D, 4E, 4F, 4G dan 5 Akta Sewa Beli 1967.

[50] Mahkamah ini berpendapat Parlimen sekadar memperuntukkan BAHAGIAN II yang perlu dipatuhi oleh perayu. Parlimen tidak mengubal peruntukan bagi 'owner' untuk melakukan siasatan sumber kewangan penyewa sebagaimana yang disarankan oleh Tuan HMS itu dan TPR yang terpelajar dalam hujahannya.

[51] Mahkamah ini berpendapat apa yang penting perayu mematuhi peruntukan s 4 Akta Sewa Beli sebelum penyewa (Sarafizah dan suaminya) menandatangani perjanjian sewa beli bagi membeli ketiga-tiga motosikal yang terlibat. Mahkamah ini merujuk kes *Affin Credit (Malaysia) Sdn Bhd v Yap Yuen Fui* [1984] 1 MLJ 169; [1984] 1 CLJ Rep 62 di mana YA Mohamed Azmi HMP ada merumuskan tujuan s 4(1) Akta Sewa Beli 1967 digubal oleh Parlimen seperti berikut:

> We are dealing with the interpretation of s 4(1) of the Hire Purchase Act 1967 — a statute passed by parliament for the purpose of regulating not only the form but also the contents of the hire purchase agreement, and as well as the rights and duties of parties to such agreements. Part II of the Act which embodies all the relevant sections in this appeal, deals with the 'formation and contents of hire purchase agreements'. The words used in s 4(1) are clear. Absoluta sententia expositare non indiget. The words mean what they say, and they plainly require a written statement in the form set out in the Second Schedule to be given or cause to be given to the prospective hirer *before any hire purchase agreement is entered into*. (Emphasis added.) Where the agreement is entered into by way of acceptance by the owner of a written offer signed by the hirer, which is the case in the present dispute, the proviso to s 4(1) also requires the written statement to be given to the prospective hirer *before the written offer was signed*. (Emphasis added.) The plaintiff as the owner in this case has conceded that it had not given the written statement to the defendant as prospective hirer before the written offer was signed on 14 August 1980 (see exh AB1 at p 46 of record). Now, what is the effect of defendant/hirer's offer in the formation of the agreement? Can such an offer without the requisite written statement being given to him before he put down his signature be a lawful offer capable of acceptance by the plaintiff/owner under the Act? That in our view is the pertinent and relevant questions to be asked in this appeal. As a general principle, in order to decide whether the parties have reached an agreement, it is usual to enquire whether there has been a definite offer by one party and an acceptance of that offer by the other. Section 4(1) deals with entering into and formation of a contract; whereas s 4(2) and also ss 5(2) and 6 deal principally with the contents of the contract, after a lawful offer by the prospective hirer has been made and accepted. If there is no consensus ad idem under the Act and a contract has not been entered and therefore still not legally in existence, what is the purpose of the legislature dealing with it in ss 4(3) and 6(2) as to the consequences of non-compliance? To do so would be totally futile. The exclusion of s 4(1) from the provisions of ss 4(3) and 6(2) supports the view that s 4(1) deals merely with the entry stage of the agreement by making it mandatory for the promisee to give the written statement to the promisor before there can be a promise. Section 4(1) is self-contained. It modifies the law of offer and acceptance as provided by s 2 of the Contracts Act 1950 (Revised 1974). The right to freedom of contract as expounded by Jessel MR in *Printing and Numerical Registering Company v Sampson* (1875) LR 19 Eq 462 at p 465 and (1882) 21 Ch D 243 at p 266 has, consistent with modern tendency of statute law, been interfered with by the Hire Purchase Act. An offer to enter into a hire purchase agreement either by the owner or the hirer is subject to a condition precedent imposed by s 4(1). Merely because s 4(1) is not included in the provisions for non-compliance under ss 4(3) and 6(2), it does not necessarily mean that there is a gap in s 4(1) if the words therein are clear and free from ambiguity. Section 4(1)

A contains a positive and mandatory obligation on the part of the owner to give a written statement to the prospective hirer *before* an offer to enter into a hire purchase agreement can be accepted and thereby brings about the formation of an agreement. This is the plain meaning of such words as 'Before any hire purchase agreement is entered into' and 'unless the written statement was given to the prospective hirer' used in s 4(1). There is no gap in that provision and there can be no other interpretation unless we want to make nonsense of the words used by the Legislature. That would exactly be the result if we were to conclude that although the obligation imposed by the sub section was mandatory it had practically no purpose and had no meaningful consequences. There being no gap in s 4(1) and having regard to the plain language used, we hold that on the facts admitted, the plaintiff's claim was rightly dismissed by the lower courts, not because the hire purchase agreement was unenforceable, but because no agreement had in fact been entered into by the parties. In this context the learned judge was right in describing the agreement as void ab initio for lack of offer and acceptance. The written offer signed by the defendant without the condition precedent being fulfilled was not an offer recognised by the Hire Purchase Act and as such there could not be acceptance by the plaintiff of a non-existent offer.

[52] Mahkamah ini berpendapat mengikut s 4(1)(a) Akta Sewa Beli 1967, perayu hanya perlu menyerahkan 'Ringkasan Penglibatan Kewangan Anda Berkenaan Cadangan Perjanjian Sewa Beli' sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian I, Jadual Kedua. Mahkamah ini berpendapat tiada keperluan undang-undang mewajibkan 'owner' mempastikan sumber kewangan penyewa sebelum perjanjian sewa beli ditandatangani.

[53] Mahkamah ini berpendapat perayu tiada hak untuk menghalang penyewa membayar deposit walaupun melebihi 10% daripada harga belian. Mahkamah ini berpendapat fakta Sarafizah dan suaminya membayar deposit dalam jumlah yang besar, perayu tidak mengetahui ia ada kaitan dengan kesalahan di bawah s 4(1) Akta itu. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan Tuan HMS itu yang menyimpulkan ia terjumlah kepada 'lack of good faith' di pihak perayu. Begitu juga Sarafizah dan suaminya yang membeli ketiga-tiga kenderaan dalam tempoh masa yang singkat seharusnya menimbulkan rasa syak dipihak perayu berkaitan sumber kewangan yang dikatakan ada kaitan dengan kesalahan di bawah s 4(1) Akta itu. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan tuan hakim itu dalam aspek ini. Pembelian bukannya dilakukan dalam tahun yang sama iaitu Oktober 2014 sebagaimana yang dinyatakan dalam alasan penghakiman. Dengan membuat andaian ia dilakukan dalam tahun yang sama sekali pun, perayu yang menjalankan perniagaan sudah pasti untuk melariskan penjualannya dan tiada keperluan bagi perayu meragui penyewa yang sedia dan sanggup menandatangani perjanjian sewa beli mengikut peruntukan Akta Sewa Beli 1967. Mahkamah ini berpendapat apa yang penting perayu telah pun mematuhi BAHAGIAN II Akta Sewa Beli 1967 dan penyewa terikat dengan terma-terma perjanjian sewa beli.

Prasyarat (d)

[54] Mahkamah ini berpendapat prasyarat (d) ini tidak terpakai ke atas perayu. Dalam kes sekarang, harta yang terlibat iaitu tiga buah kenderaan timbul berdasarkan perjanjian sewa beli yang ditandatangani oleh perayu antara Sarafizah dan suaminya. Di samping itu, hubungan perayu dengan Sarafizah dan suaminya tertakluk kepada Akta Sewa Beli 1967 yang mengawal selia pelaksanaannya.

Prasyarat (e)

[55] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam perayu yang terpelajar, perayu telah mengambil langkah-langkah yang munasabah sebagai 'owner' atas ketiga-tiga kenderaan yang terlibat mengikuti prosedur dan keperluan undang-undang yang ditetapkan di bawah Akta Sewa Beli 1967. Perayu tidak mengetahui langsung penglibatan Sarafizah dengan kesalahan di bawah s 4(1) Akta itu.

[56] Mahkamah ini juga berpendapat berpandukan keterangan yang ada, peruntukan s 61(3) Akta itu tidak terpakai terhadap perayu bagi menyimpulkan 'lack of good faith' sebagaimana dihujahkan oleh TPR yang terpelajar.

KESIMPULAN

[57] Mahkamah ini berpendapat berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, perayu telah pun di atas imbangan kebarangkalian mematuhi prasyarat yang diperuntukan di bawah s 61(4) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat perayu merupakan penuntut yang suci hati dan berhak menuntut harta yang disenaraikan dalam *Warta* Kerajaan (PU(B) 691) untuk *Item* di No (6), (7) dan (8) Notis Pihak Ketiga. Mahkamah memerintahkan ketiga-tiga motosikal nombor pendaftaran: PLC 802, WXL 802 dan PKM 802 dikembalikan kepada perayu untuk tindakan selanjutnya berdasarkan peruntukan Akta Sewa Beli 1967.

[58] Mahkamah ini turut memerintahkan perayu menyerahkan sebarang hasil jualan (jika ada) kepada Kerajaan Malaysia dengan kadar segera.

[59] Mahkamah ini membenarkan rayuan oleh perayu dan keputusan Tuan HMS itu yang melucuthak *Item* (6),(7) dan (8) Notis Pihak Ketiga kepada Kerajaan Malaysia diakaskan.

Rayuan dibenarkan dan keputusan HMS yang melucuthak Item No (6), (7) dan (8) Notis kepada Pihak Ketiga kepada kerajaan diakaskan.

Dilaporkan oleh Nisha Paran